



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	FALSAFAH PENDIDIKAN
KOD KURSUS	:	BBD 10102
PROGRAM	:	IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (Elektrik dan Elektronik, Binaan Bangunan, Katering, Kimpalan dan Fabrikasi Logam dan Multimedia Kreatif)
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2013
MASA	:	2 JAM .

ARAHAN:

1. KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI BAHAGIAN A, BAHAGIAN B, BAHAGIAN C DAN BAHAGIAN D.
2. BAHAGIAN A, B DAN C : JAWAB SEMUA SOALAN DI DALAM KERTAS INI.
3. BAHAGIAN D : JAWAB DUA SOALAN DARIPADA TIGA SOALAN DI DALAM KERTAS JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 9 MUKA SURAT BERCETAK.

BAHAGIAN A. (10 markah)

Jawab semua soalan dengan memadankan yang sesuai.

Sijil Rendah Pelajaran	Cinta Kepada Hikmah
Aksiologi	Rukun Negara
Pekerti Mulia	Nilai Murni
Pekerti Mulia	Esensialisme
Aliran Falsafah di Malaysia	Ontologi
Philosophia	LCE
Kesopanan dan Kesusilaan	Estetika
Baik Hati	Ciri Seorang Guru
Falsafah Moden	Elektisme
Cabang Falsafah	Plato

BAHAGIAN B. (30 markah)

Jawab semua soalan dengan mengisikan perkataan atau ayat yang sesuai.

S1 Falsafah Tradisional terdiri daripada dua jenis falsafah umum iaitu

- i) _____
- ii) _____

(2 markah)

S2 Tuliskan dua matlamat utama sekolah.

- i) _____
- ii) _____

(2 markah)

S3 Falsafah Umum mempersoalkan mengenai tiga perkara utama iaitu

- i) _____ mempersoalkan tentang kewujudan,
- ii) _____ mempersoalkan tentang pengetahuan, dan
- iii) Aksiologi mempersoalkan tentang _____.

(3 markah)

S4 Nyatakan lima tugas yang perlu guru lakukan dalam rutin kerjayanya.

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____
- v) _____

(5 markah)

S5 Nyatakan tiga matlamat utama pendidikan di Malaysia.

i) _____

ii) _____

iii) _____

(3 markah)

S6 Dalam konsep Falsafah Pendidikan Islam, Syed Muhammad Naguib Al-Attas (1980), menyatakan bahawa pengetahuan terbahagi kepada dua. Nyatakan kedua-dua jenis pengetahuan yang dimaksudkan.

i) _____

ii) _____

(2 markah)

S7 Tuliskan tiga ciri seorang guru yang baik, sebagaimana yang terkandung di dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Guru.

i) _____

ii) _____

iii) _____

(3 markah)

S8 Nyatakan tiga perkara yang menjadi asas dalam pembentukan Kurikulum Pendidikan Islam.

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____

(3 markah)

S9 Apa yang anda tahu mengenai istilah Falsafah Elektisisme.

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____

(3 markah)

S10 Nyatakan empat faktor yang mempengaruhi penggubalan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

- i) _____
- ii) _____
- iii) _____
- iv) _____

(4 markah)

BAHAGIAN C. (20 markah)

Bulatkan pada jawapan yang sesuai.

- S1 Guru digalakkan supaya mengamalkan konsep pendidikan ke arah perkembangan sendiri. Situasi yang paling sesuai untuk menggambarkan konsep ini ialah
- A Cikgu Baizura melanjutkan pelajarannya kerana ingin menjadi teladan kepada murid-muridnya.
 - B Cikgu Rahayu melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana supaya peluang kenaikan pangkatnya lebih cerah.
 - C Cikgu Maisara mengambil kursus komputer pada sebelah malam kerana takut di padang rendah oleh rakan sejawatnya.
 - D Cikgu Daoni mengikuti kursus sambilan dalam perundangan kerana minat dan keinginan untuk mengembangkan potensinya dalam bidang yang lain.
- S2 Untuk mencapai hasrat Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau, penekanan perlu diberi kepada
- A latihan tenaga pengajar tempatan yang bermutu tinggi.
 - B persaingan antara institut pendidikan tempatan dan institut pendidikan luar negara.
 - C peningkatan mutu program pendidikan di institut-institut pengajian tinggi tempatan.
 - D pengubahsuaian Akta Pendidikan Malaysia supaya dapat menggalakkan penubuhan institut pendidikan swasta.
- S3 Guru meminta pelajar-pelajarnya mengutip sampah, menyusun meja dan mengemas diri sebelum memulakan pembelajaran. Tindakan guru tersebut menerapkan nilai-nilai
- A kerjasama, baik hati dan kebebasan.
 - B patuh, kebersihan dan ikhlas.
 - C rajin, kebersihan dan bersyukur.
 - D rajin, kerjasama dan kebersihan.
- S4 Antara berikut manakah yang bukan faedah penggunaan teknologi dalam pendidikan?
- A Dapat menyeronokkan murid-murid walaupun objektif pelajaran tidak tercapai.
 - B Dapat menimbulkan minat murid-murid.
 - C Dapat membantu murid-murid membentuk konsep dengan jelas.
 - D Dapat menjadikan suatu pelajaran itu lebih bermakna.

- S5 Pendidikan adalah alat yang paling utama untuk
- A meningkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan.
 - B mewarisi nilai-nilai budaya.
 - C menghasilkan perubahan sosial pelajar sejajar dengan perubahan dalam masyarakat.
 - D memupuk perkembangan individu dan kewarganegaraan yang sejajar dengan aspirasi dan ideologi Negara.
- S6 Antara berikut merupakan faktor-faktor yang mempengaruhi pertimbangan semasa menggubal Falsafah Pendidikan Kebangsaan kecuali
- A Faktor Agama.
 - B Faktor Sosial.
 - C Faktor Psikologi.
 - D Faktor Ekonomi.
- S7 Pernyataan di bawah ialah peranan Falsafah Pendidikan Kebangsaan kecuali
- A sebagai rujukan dan bimbingan untuk mengawal aktiviti ajaran sesat.
 - B sebagai bimbingan untuk para pendidik semasa melaksanakan tugas-tugas pendidikan.
 - C sebagai rujukan membantu pendidik memahami sistem pendidikan negara.
 - D menjadi dasar dan pertimbangan asas untuk menentukan matlamat pendidikan negara.
- S8 Dalam alam pendidikan, guru mempunyai pelbagai peranan, antaranya ialah
- I sebagai pendidik.
 - II kemahiran mengurus dan merancang.
 - III sebagai pembimbing dan pemudahcara.
 - IV kemahiran berfikir.
- A I dan III sahaja.
 - B I dan IV sahaja.
 - C II dan III sahaja.
 - D III dan IV sahaja.

S9 Faktor-faktor yang mungkin menyebabkan berlakunya keciciran

- I status sosioekonomi.
 - II tidak terdapat kemudahan prasekolah.
 - III tidak ada dorongan ibu bapa.
 - IV sistem elitis.
 - V kekurangan guru sains.
-
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan V sahaja.
 - C I, II, III dan IV sahaja.
 - D II dan III sahaja.

S10 Anda adalah seorang guru yang professional. Oleh itu, anda diharapkan memiliki ciri-ciri berikut kecuali

- I kepimpinan.
 - II rajin dan berdidikasi.
 - III inovatif dan kebolehadaptasian.
 - IV tegas dan tidak mudah lentur.
-
- A I dan II sahaja.
 - B I, II dan III sahaja.
 - C II dan IV sahaja.
 - D II, III dan IV sahaja.

BAHAGIAN D.

Jawab dua dari tiga soalan berikut.

- 1 (a) Tuliskan semula pernyataan yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).
(10 markah)
- (b) Huraikan secara ringkas dua fungsi yang terkandung di dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).
(10 markah)
- 2 (a) Tuliskan semula pernyataan Falsafah Pendidikan Guru (FPG) dengan betul.
(10 markah)
- (b) Huraikan dua ciri yang perlu ada pada seorang guru seperti mana yang termaktub dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Guru (FPG).
(10 markah)
- 3 Bagi menjalankan tugas dengan cekap, seorang guru seharusnya berupaya menyampaikan pengajarannya dengan kaedah yang menarik dan berkesan. Dalam usaha meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang, seseorang guru hendaklah mempunyai beberapa kemahiran profesional keguruan.
- (a) Senaraikan sepuluh kemahiran yang perlu ada pada seorang guru.
(10 markah)
- (b) Suasana bilik darjah yang harmoni dan ceria akan mendatangkan keseronokan belajar pada pelajar. Keadaan ini dibantu oleh corak pengajaran yang menggunakan media teknologi dan bahan bantu yang terkini serta kemahiran sedia ada pada guru. Hasil ujian yang memberangsangkan dan disiplin yang terkawal, dapat membantu menjayakan wawasan sekolah untuk menghasilkan keputusan akademik yang cemerlang. Berpandukan pernyataan di atas, huraikan empat teknik yang digunakan oleh guru tersebut untuk menghasilkan pengajaran yang seronok dan berkesan.
Soalan Tamat (10 markah)